

PROSEDUR PENETAPAN HILAL DAN PENGURUSAN TAKWIM HIJRI DALAM KALANGAN NEGARA ANGGOTA MABIMS

HILAL SIGHTING PROCEDURES AND THE MANAGEMENT OF THE HIJRI CALENDAR AMONG MABIMS COUNTRIES

Sharifah Shazwani Syed Mohamed^{1*}
Ibnor Azli Ibrahim²

¹Jabatan Pengajian Islam, Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), 86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor, Malaysia. (E-mail: sshazwani@uthm.edu.my)

²Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Islam Sultan Syarif Ali (UNISSA), Jalan Pasar Gadong, BE1310 Brunei Darussalam. (E-mail: azli.Ibrahim@unissa.edu.bn)

*Corresponding author: sshazwani@uthm.edu.my

Article history

Received date : 19-6-2025
Revised date : 20-6-2025
Accepted date : 25-7-2025
Published date : 15-8-2025

To cite this document:

Syed Mohamed, S. S., & Ibrahim, I. A. (2025).
Prosedur penetapan hilal dan pengurusan takwim hijri
dalam kalangan negara anggota MABIMS. *Journal of
Islamic, Social, Economics and Development
(JISED)*, 10 (74), 372 - 389.

Abstrak: Penentuan permulaan bulan Hijri memainkan peranan penting dalam penetapan tarikh ibadah utama umat Islam, terutama permulaan Ramadan serta perayaan Aidilfitri dan Aidiladha. Bagi negara-negara anggota MABIMS—Brunei Darussalam, Republik Indonesia, Malaysia, dan Singapura—sebuah jawatankuasa telah dibentuk untuk menyelaraskan kaedah penentuan hilal secara serantau. Kajian ini memfokuskan kepada prosedur penentuan hilal dan pengurusan takwim Hijri dalam kalangan negara anggota MABIMS dimana fokus diberikan kepada prosedur penentuan hilal yang diamalkan serta peranan institusi-institusi rasmi dalam pengurusan takwim Hijri. Hal ini kerana walaupun terdapat kesepakatan di kalangan negara-negara MABIMS mengenai kaedah penentuan hilal, penetapan tarikh bagi permulaan bulan Hijri kadangkala masih menunjukkan perbezaan. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis dokumen rasmi, garis panduan rukyah, serta temu bual terpilih dengan pegawai berkaitan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa meskipun terdapat asas kriteria yang disepakati bersama melalui penyelarasan kriteria *Imkān al-rukyah* MABIMS, pelaksanaan teknikal dan pentadbiran takwim Hijri di setiap negara anggota tetap mengekalkan ciri-ciri pengurusan yang tersendiri berdasarkan pengamalan agama Islam negara masing-masing. Kajian ini turut membincangkan cabaran dan potensi dalam memperkukuhkan keseragaman takwim Hijri di peringkat serantau. Dapatan kajian menunjukkan keperluan kepada pendekatan yang lebih integratif bagi menangani perbezaan pelaksanaan dan struktur institusi, serta merangka mekanisme kerjasama serantau yang lebih sistematik.

Kata Kunci: rukyah hilal, takwim Hijri, MABIMS, pengurusan takwim, *imkān al-rukyah*

Abstract: *The determination of the beginning of the Hijri month plays an important role in determining date of Muslim worship, especially the beginning of Ramadan and the celebrations of Aidilfitri and Aidiladha. For the MABIMS member countries—Brunei Darussalam, Republic Indonesia, Malaysia, and Singapore—a committee has been formed to coordinate the method of determining the crescent. This study focuses on the crescent determination procedure and the management of the Hijri calendar among the MABIMS member countries, where the focus is given to the crescent determination and the role of official institutions in the management of the Hijri calendar. This is because although there is agreement among the MABIMS countries on the method of determining the crescent, the determination of the date for the beginning of the Hijri month sometimes still shows differences. This study uses a qualitative approach through the analysis of official documents, rukyah guidelines, and selected interviews with relevant officials. The study findings show that despite the basic criteria that are mutually agreed upon through the coordination of the MABIMS Imkān al-rukyah criteria, the technical implementation and administration of the Hijri calendar in each member country still maintains its own management characteristics based on the practice of Islam in each country. This study also discusses the challenges in strengthening the uniformity of the Hijri calendar at the regional level. The results of the study showed the need for a more integrative approach to address implementation disparities and institutional differences, and to develop a systematic framework in regional cooperation.*

Keywords: *Moon sighting, Hijri Calendar, MABIMS, calendar management, imkan al-rukyah*

Pengenalan

Penentuan pelaksanaan ibadah dalam kalangan umat Islam mempunyai kaitan yang erat dengan penggunaan kalendar Islam, atau lebih dikenali sebagai takwim Hijri. Takwim ini menjadi asas dalam menentukan tarikh-tarikh penting seperti permulaan Ramadan bagi penetapan ibadah puasa, awal Syawal bagi penetapan Hari Raya Aidilfitri, serta awal Zulhijjah bagi penetapan Hari Raya Aidiladha. Selain itu, takwim Hijri turut memainkan peranan penting dalam penyelesaian pelbagai isu fiqh seperti zakat, iddah, dan hadanah yang memerlukan ketepatan tarikh (Radzuan & Ab Rahim 2017). Firman Allah SWT di dalam surah al-Baqarah ayat 189:

يَسْأَلُونَكَ عَنِ الْأَهِلَّةِ ۖ قُلْ هِيَ مَوَاقِيتُ لِلنَّاسِ وَالْحَجِّ

Maksudnya; “Mereka bertanya kepadamu (Wahai Nabi Muhammad) mengenai (peredaran) anak-anak bulan. Katakanlah: ‘(bahawa peredaran) anak-anak bulan itu adalah untuk menandakan waktu-waktu bagi (urusan dan amalan) manusia dan ibadat haji”.

Berdasarkan ayat di atas, Allah SWT menjadikan hilal atau anak bulan sebagai petunjuk kepada manusia untuk menyusun aktiviti kehidupan seharian serta mengetahui waktu bagi ibadah (haji). Walau bagaimanapun, disebabkan ketiadaan dalil yang bersifat khusus berkenaan pembentukan sesebuah takwim, maka panduan daripada al-Qur’an dan hadis berkaitan kaedah pensabitan awal Ramadan telah dijadikan asas dalam penentuan permulaan takwim Hijri sepertimana firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 185;

فَمَنْ شَهِدَ مِنْكُمُ الشَّهْرَ فَلْيَصُمْهُ

Maksudnya: Oleh itu, sesiapa dari antara kamu yang berada dalam bulan Ramadan, maka hendaklah ia berpuasa”.

Manakala hadis yang menyebut mengenai penentuan puasa di bulan Ramadan ialah:

قَالَ أَبُو الْقَاسِمِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «صُومُوا لِرُؤُوسِهِ وَأَفْطِرُوا لِرُؤُوسِهِ، فَإِنْ غُبِيَ عَلَيْكُمْ فَأَكْمِلُوا
عِدَّةَ شَعْبَانَ ثَلَاثِينَ

Maksudnya: Berpuasalah kamu kerana melihat hilal dan berbukalah kamu kerana melihat hilal. Bila hilal tertutup atasmu, maka sempurnakanlah bilangan bulan Syaaban tiga puluh hari. (Sahih Bukhari No 1909)

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ذَكَرَ رَمَضَانَ فَقَالَ: «لَا تَصُومُوا حَتَّى تَرَوْا الْهِلَالَ، وَلَا تُفْطِرُوا
حَتَّى تَرَوْهُ، فَإِنْ غُمَّ عَلَيْكُمْ فَأَقْدُرُوا لَهُ

Maksudnya: Janganlah kamu berpuasa sehingga kamu melihat hilal, dan janganlah berbuka (hari raya) sehingga kamu melihat hilal, jika hilal tertutup awan dari kamu maka kadarkanlah. (Sahih Bukhari No 1906)

Berdasarkan dalil-dalil yang dinyatakan di atas, pemahaman daripada zahir hadis jelas menyatakan bahawa bagi memulakan dan mengakhiri puasa dan hari raya adalah dengan merukyah hilal. Namun sekiranya terdapat perkara yang menghalang daripada hilal kelihatan maka berdasarkan hadis, pelaksanaan puasa dan raya perlulah digenapkan 30 hari atau dengan istilah lain istikmāl. terdapat lafaz lain yang juga penting bagi penentuan hilal iaitu *فَأَقْدُرُوا* yang bermaksud hitungan dan perkiraan. Daripada pemahaman terhadap nas-nas al-Quran dan hadis telah membawa kepada tiga pandangan dalam kaedah penentuan hilal iaitu rukyah, istikmāl dan *ḥisāb*. Kaedah-kaedah ini telah digunakan oleh negara-negara Islam di seluruh dunia bagi menentukan kenampakan hilal.

Berdasarkan laman sesawang Moonsighting.com (t.th), daripada 116 buah negara, sebanyak 44 negara merujuk kepada Arab Saudi dalam menetapkan permulaan bulan, 16 negara berpandukan Turki, 37 negara menggunakan hasil cerapan tempatan, manakala 19 negara pula menetapkan awal bulan berdasarkan kriteria tersendiri. Keadaan ini menunjukkan bahawa penentuan awal bulan Hijri tidak seragam antara negara-negara Islam, sekali gus menuntut usaha kolektif ke arah penyatuan takwim Hijri pada peringkat antarabangsa.

Ketidakseragaman kaedah penentuan hilal dalam kalangan negara-negara Islam telah mendorong kepada usaha-usaha awal ke arah penyatuan takwim Hijri. Inisiatif ini mula dikenal pasti seiring dengan penubuhan Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) pada tahun 1969, yang antara objektif utamanya adalah untuk melindungi kepentingan umat Islam serta mencapai kesatuan dalam pelbagai aspek, termasuk hal ehwal ibadah. Salah satu isu yang dibangkitkan ketika itu ialah ketidaksejajaran dalam penggunaan takwim Hijri antara negara Islam. Pada April 1969, isu takwim Hijri mula mendapat perhatian khusus dan kemudiannya menjadi topik utama perbincangan dalam Persidangan Hal Ehwal Agama Islam yang diadakan di Kuwait pada tahun 1973. (Mohammed Mohsin 1995)

Di peringkat Asia Tenggara, terdapat kesepakatan bagi negara anggota MABIMS iaitu Brunei Darussalam, Republik Indonesia, Malaysia dan Singapura dalam menyeragamkan kaedah penentuan kenampakan hilal iaitu dengan penetapan kriteria *imkān al-rukayah*; gabungan kaedah rukyah dan hisab dimana apabila kedudukan hilal memenuhi parameter tertentu yang telah

ditetapkan, hilal dianggap wujud meskipun tidak kelihatan semasa cerapan pada 29 haribulan. (Mohd Zambri & Mohd Saiful Anwar. *t.th*). Meskipun negara-negara MABIMS bersepakat menggunakan kaedah ini bagi penetapan permulaan bulan Hijri namun kadangkala tarikh tersebut tidak seragam antara negara-negara tersebut.

Sebagai contoh, berdasarkan hasil laporan cerapan hilal yang dikeluarkan oleh International Astronomical Center Project (ICOP) (2020), pada 1 Ramadan 1440H, umat Islam di seluruh dunia menyambutnya sehingga selisih tiga tarikh yang berbeza iaitu negara Mali pada 05 Mei 2019, 24 negara termasuk Indonesia, Malaysia, Arab Saudi dan Turki pada 06 Mei 2019 dan 11 negara lain seperti Brunei, Pakistan dan Bangladesh menyambutnya pada 07 Mei 2019.

Perbezaan ini disebabkan oleh kepelbagaian kaedah penentuan hilal yang dipraktikkan oleh negara-negara Islam. India dan Pakistan misalnya menggunakan kaedah rukyah semata-mata. Manakala Malaysia dan Indonesia menggunakan kaedah imkân al-rukyah. Brunei Darussalam dan Arab Saudi pula hanya menggunakan rukyah pada tiga bulan utama iaitu Ramadan, Syawal dan Zulhijjah. Oleh yang demikian, kajian ini akan meneliti prosedur penetapan kenampakan hilal dan pengurusan takwim Hijri di kalangan negara anggota MABIMS.

Sorotan Literatur

Kerjasama pertama dalam sejarah penyatuan takwim Hijri adalah apabila satu persidangan antarabangsa telah diadakan pada tanggal 28-30 November 1978 (26 – 29 Zulhijjah 1398H) apabila pemerintah Turki berusaha untuk menghimpunkan ulama' serta pakar astronomi Islam dari seluruh dunia melalui Mu'tamar Tahdid Awal as-Syuhur al-Qamariyah atau lebih dikenali sebagai Resolusi Istanbul 1978. Hasil persidangan tersebut, satu keputusan telah dipersetujui sebagai kriteria kenampakan hilal iaitu hilal disifatkan ada jika memenuhi kriteria berikut; (i) ketinggian hilal tidak kurang 5.5° daripada ufuk selepas matahari terbenam pada hari rukyah, (ii) jarak antara hilal dan matahari (elongasi) selepas tebenam tidak kurang 7.5°, dan (iii) umur hilal tidak kurang daripada 8 jam. (Mohd Saiful Anwar *et.al* 2015) Walaupun kata sepakat telah dipersetujui, namun ia masih belum mencapai titik kesepakatan apabila pelaksanaannya tidak diterima di kalangan negara-negara Islam.

Di peringkat Asia Tenggara, negara-negara Islam di rantau ASEAN telah memberi respon positif terhadap Resolusi Istanbul 1978 apabila adanya Pertemuan Tidak Rasmi Menteri-menteri Agama Islam Brunei, Indonesia, Malaysia dan Singapura (MABIMS). Satu ketetapan telah diambil bagi menyelaraskan penentuan awal Ramadan, Syawal dan Zulhijjah berdasarkan rukyah dan hisāb di kalangan anggota negara MABIMS iaitu setelah berlaku ijtima', sekiranya kedudukan hilal memenuhi syarat di bawah maka hilal dianggap wujud sekalipun tidak kelihatan di atas ufuk. Kriteria tersebut ialah (i) ketinggian hilal (altitud) tidak kurang daripada 2° dan elongasi matahari ke bulan tidak kurang 3° atau umur hilal tidak kurang daripada 8 jam. (Mohd Zambri & Mohd Saiful Anwar *t.th*). Usaha ke arah penyatuan takwim Hijri dalam kalangan negara anggota MABIMS telah disusuli dengan beberapa siri pertemuan melibatkan pakar-pakar astronomi Islam. Pertemuan-pertemuan ini diadakan secara berterusan bagi tujuan semakan semula dan penambahbaikan terhadap kriteria kenampakan hilal MABIMS.

Menurut JAKIM (2016), Kongres Penyatuan Takwim Hijri Antarabangsa telah diadakan di Istanbul, Turki pada tahun 2016 sebagai platform untuk membincangkan usaha penyelarasan takwim Hijri di peringkat global. Dalam kongres tersebut, dua cadangan utama telah dibentangkan, iaitu Takwim Tunggal (Single Calendar) dan Dwi-Takwim (Dual Calendar).

Hasil perbincangan serta sesi pengundian, cadangan penggunaan Takwim Tunggal telah dipersetujui untuk diterima pakai.

Sebagai respon terhadap hasil Kongres Penyatuan Takwim Hijri Antarabangsa di Istanbul, para perwakilan negara anggota MABIMS telah bersetuju untuk mengadakan perbincangan lanjut yang berlangsung pada 2 hingga 4 Ogos 2016 menerusi Muzakarah Rukyah dan Takwim Islam di Teluk Kemang, Negeri Sembilan. Dalam muzakarah tersebut, setiap wakil delegasi telah mengemukakan cadangan berkaitan kriteria kenampakan hilal. Hasil perbincangan telah membawa kepada kesepakatan terhadap draf kriteria baharu, iaitu altitud hilal minimum 3° dan sudut elongasi 6.4°. Walau bagaimanapun, daripada keempat-empat negara MABIMS, hanya Brunei Darussalam yang masih mengekalkan pendekatan penetapan awal Ramadan, Syawal dan Zulhijjah berdasarkan kaedah rukyah semata-mata, tanpa digabungkan dengan hisab. (Mohd Saiful Anwar *et.al* 2015)

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan penyelidikan kualitatif yang dimulakan dengan mengkaji kajian-kajian terdahulu yang berkaitan dengan penentuan awal bulan hijri bagi negara anggota MABIMS. Penyelidikan ini dijalankan kerana wujud ketidakseragaman tarikh bagi penentuan ibadah umat Islam bagi negara anggota MABIMS. Bagi mencapai tujuan kajian ini, pengumpulan data adalah dengan menggunakan kaedah analisis dokumen, perbandingan dengan pendekatan negara MABIMS serta temu bual. Analisis dokumen telah dilakukan melalui analisis jurnal-jurnal berkaitan dengan penetapan dan pengurusan awal bulan Hijri di negara MABIMS. Selain itu, sesi temu bual juga dijalankan dengan pihak yang terlibat dalam penentuan awal bulan hijri antaranya seperti Kementerian agama Islam negara masing-masing. Semua sesi temu bual dijalankan secara berasingan menggunakan panduan soalan yang sama bagi mengumpulkan maklumat mengenai kaedah penentuan awal bulan Hijri yang dipraktikkan.

Pengenalan Menteri-Menteri Agama; Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia Dan Singapura (MABIMS)

MABIMS merupakan singkatan kepada Menteri – Menteri Agama; Negara Brunei Darussalam, Republik Indonesia, Malaysia dan Republik Singapura. Penubuhan MABIMS bertitik tolak daripada Muktamar Ke-4 Menteri-menteri Wakaf dan Hal Ehwal Agama yang berlangsung pada 12 hingga 14 Syawal 1409H bersamaan 17 hingga 19 Mei 1989 bertempat di Jeddah, Arab Saudi. Muktamar ini telah dihadiri oleh perwakilan daripada 41 buah negara Islam termasuk pertubuhan dan badan-badan Islam sebagai pemerhati. Antara yang hadir ialah tiga tokoh menteri Agama dari Asia Tenggara iaitu Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd Zain bin Haji Serudin daripada negara Brunei Darussalam, Yang Terhormat Haji Munawir Sjadzali daripada Republik Indonesia dan Yang Berhormat Dato' Dr. Mohd Yusof Noor daripada Malaysia. Pertemuan ketiga-tiga menteri ini telah membawa cetusan idea untuk menjalinkan kerjasama bagi membentuk kesepakatan atas dasar keagamaan bagi menjaga kemaslahatan dan kepentingan umat Islam serantau. (MABIMS 2018)


Antara matlamat penubuhan MABIMS adalah mewujudkan serta mengukuhkan semangat persaudaraan di kalangan umat Islam di Asia Tenggara. Dengan adanya pelbagai wadah untuk bermuzakarah atau berkongsi kepakaran, membolehkan mempertingkatkan dan memantapkan akidah dan syariah umat Islam. Salah satu bidang kerjasama MABIMS adalah penyelarasan kaedah rukyah dan takwim Islam MABIMS. Antara strategi bidang ini adalah dengan

pertukaran pengetahuan serta memastikan amalan terbaik dalam penentuan takwim Islam antara negara anggota MABIMS.

Amalan Penentuan Hilal di Negara Anggota MABIMS

Menurut JAKIM (2001), pada 3 dan 4 Februari 1992, dalam pertemuan tidak rasmi Menteri-menteri Agama Brunei, Indonesia, Malaysia dan Singapura (MABIMS) telah bersepakat untuk menyelaraskan kaedah penentuan awal bulan Ramadan, Syawal dan Zulhijjah di kalangan negara anggota berdasarkan rukyah dan hisāb dan salah satu unsur penting dalam kaedah ini ialah kriteria imkān al-rukyah. Imkān al-rukyah bermaksud gabungan kaedah rukyah dan hisāb yang menggunakan nilai kriteria tertentu dalam menentukan kebolehnampakan hilal.

Mohd Zambri & Mohd Saiful Anuar (2022) menjelaskan bahawa bagi kriteria imkān al-rukyah terkini, hasil Muzakarah Rukyah Dan Takwim Islam Negara Anggota MABIMS kali ke 16 telah bersetuju menerima pakai kriteria *imkān al-rukyah* baru bagi anggota MABIMS dalam penentuan takwim Hijri dan dan awal Bulan Hijri iaitu; “Ketika Matahari terbenam, ketinggian anak Bulan sama atau melebihi 3° dari ufuk dan jarak lengkung (sudut elongasi) Bulan ke Matahari tidak kurang dari 6.4° seperti Rajah 1.



Rajah 1. Kriteria jangkaan kenampakan hilal bagi imkān al-rukyah MABIMS 2021

Dalam menentukan kriteria imkān al-rukyah, terdapat mekanisma parameter yang berasaskan fizik perlu difahami bagi menjangkakan kenampakan hilal. Ini bermakna, sekiranya data hilal pada setiap 29 hari bulan memenuhi kriteria imkān al-rukyah, maka hilal di anggap wujud meskipun tidak kelihatan dan keesokkan harinya adalah 1 hari bulan. Jika sebaliknya, maka keesokkan harinya digenapkan menjadi 30 hari bulan.

Meskipun terdapat kesepakatan melalui MABIMS mengenai kaedah penentuan hilal, negara Brunei Darussalam dikecualikan daripada menggunakan kriteria imkān al-rukyah bagi tiga bulan utama iaitu bulan Ramadan, Syawal dan Zulhijjah (Maskufa, Sofa & Sri Hidayati 2021). Ini bermakna sekiranya hilal tidak dapat dilihat meskipun telah memenuhi kriteria imkān al-rukyah, hilal dianggap tidak kelihatan dan bulan tersebut digenapkan menjadi 30 hari bulan. Hal ini berdasarkan hasil Pertemuan tidak rasmi Menteri-menteri Agama MABIMS ke-4 yang diadakan di Negara Brunei Darussalam pada 6-7 Ogos 1993 di Bandar Seri Begawan telah menghasilkan satu Garis Panduan Hisāb Rukyah Negara Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia dan Singapura. Antara keputusan dalam pelaksanaan rukyah adalah:

“Selain hisāb, rukyah dilakukan untuk menentukan awal bulan Ramadan, Syawal dan Zulhijjah dengan catatan berikut: Rukyah awal Zulhijjah dilakukan untuk

melakukan penyemakan hasil hisāb, bukan penentu masuknya awal bulan, kecuali untuk Negara Brunei Darussalam. Indonesia, Malaysia dan Singapura sepakat bahawa jika posisi bulan telah memenuhi kriteria dan bulan tidak berhasil diru'yah, maka awal bulan ditetapkan berdasarkan hisāb; sedangkan bagi Negara Brunei Darussalam, awal bulan dilakukan dengan mengistimākan bulan yang sedang berjalan 30 hari”

Hal ini menunjukkan bahawa pendirian Brunei Darussalam dalam penentuan kenampakan hilal adalah bersandarkan kepada rukyah dan istikmal semata-mata pada bulan yang berkaitan dengan ibadah umat Islam.

Kaedah Penentuan Hilal dan Pembentukan Takwim Hijri di Negara Anggota MABIMS

Meskipun adanya persepakatan untuk menggunakan kriteria imkān al-rukyah di kalangan negara MABIMS dalam menentu atau menjangkakan kenampakan hilal, namun prosedur penentuan hilal dan pembentukan takwim adalah berbeza di antara setiap negara. Oleh yang demikian, kajian ini akan memperincikan kaedah penentuan hilal di kalangan negara anggota MABIMS iaitu Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia dan Singapura.

Brunei Darussalam

Agama Islam dengan mazhab Syafi'i memainkan peranan yang sangat penting dalam pemerkasaan undang-undang negara Brunei memandangkan ia adalah agama rasmi negara sebagaimana yang dicatatkan oleh Perlembagaan Brunei Darussalam (1984). Hal ini disebutkan di Bahagian 1, Perkara 2 iaitu Tafsiran sebagaimana berikut;

“Ugama Islam” bermakna Ugama Islam menurut Ahlis Sunnah Waljamaah mengikut Mazhab Shafi'ee”

Oleh yang demikian, segala hukum agama mestilah mengikut pandangan mazhab Shafi'i termasuk mengenai penentuan hilal. Menurut Mohd Shukri & Shahir Akram (2015), penetapan hilal di negara Brunei Darussalam bagi bulan Hijri adalah berdasarkan fatwa yang dikeluarkan oleh YDP Dato Seri Maharaja Dato Seri Utama Haji Awang Ismail bin Omar Abd, Mufti Negara Brunei Darussalam seperti berikut;

“Hadith-hadith berkenaan memulakan puasa dan berbuka puasa (raya) terlalu banyak, maka hadith-hadith itu menerangkan wajib puasa dan berbuka digantungkan Allah pada melihat anak bulan, tidak digantungkan pada anak bulan, atau pada ilmu hisāb, atau falak, ditegah mendahului bulan, berpuasa sebelum melihat anak bulan, ditegah menyerbu bulan puasa dengan semana-mana dengan tiada melihat anak bulan atau tiada menyempurnakan bilangan 30 hari, ditegah menyerbu berbuka puasa sebelum melihat anak bulan Syawal, atau menyempurnakan bilangan bulan Ramadan 30 hari, inilah qawl (pandangan) yang betul sehingga al-Imam Ibn Hajar r.a. berkata: Oleh sebab benar dan sah hadith-hadith itu dan banyak rawinya pada berpuasa dan berbuka dengan syarat melihat anak bulan atau menyempurnakan bilangan bulan 30 hari tiadalah harus bertaklid kepada al-Imam Ahmad”

Fatwa yang dikeluarkan oleh mantan Mufti Negara Brunei Darussalam adalah selari dengan kaedah penentuan hilal mengikut *jamhur ulama' Shafi'iyah* iaitu penentuan awal bulan bagi


bulan-bulan ibadah; Ramadan, Syawal dan Zulhijjah adalah berdasarkan rukyah. Manakala bagi bulan-bulan penentuan awal bulan adalah dengan menggunakan kriteria imkân al-rukyah.

Menurut Mohd Ariffin *et.al* (2016) para *fuqaha'* Shafi'iyyah sehingga kurun ke-9 Hijrah kebanyakan telah bersepakat dalam penentuan hilal bagi bulan hijri adalah melalui kaedah *rukyah*. Sekiranya hilal tidak kelihatan pada malam 29hb maka disempurnakan menjadi tiga puluh hari (*istikmāl*). Manakala mengenai hitungan *hisāb* bagi penetapan hilal, *jamhur fuqaha'* menolak penggunaan *hisāb* kerana dikhuatiri berhubung kait dengan ilmu *tanjim*.

Bagi prosedur penentuan kenampakan hilal di Brunei Darussalam melibatkan sekurang-kurang empat institusi kerajaan seperti Mahkamah Syariah Brunei, Jabatan Ukur Brunei, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Jabatan Mufti Kerajaan Brunei. Semasa hari cerapan, pegawai-pegawai yang berkaitan akan ditugaskan untuk berada di stesen cerapan untuk membuat persediaan. Terkini, terdapat lima stesen cerapan di Brunei Darussalam iaitu Menara Bangunan Ibu Pejabat DST, Taman Rekreasi Tanjung Batu dan Bukit Agok di daerah Brunei-Muara, manakala Bukit Ambog di daerah Tutong dan Bukit Lumut di daerah Belait.

Kelazimannya Menteri Hal Ehwal Ugama, Ketua Hakim Syari', Mufti Kerajaan serta pegawai-pegawai daripada Jabatan Ukur, Kementerian Pembangunan; Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri akan menyertai aktiviti cerapan hilal di Menara Bangunan Ibu Pejabat DST pada hari cerapan. Manakala di tempat cerapan daerah lain seperti di Bukit Ambog, Tutong dan Bukit Lumut, Belait akan ditempatkan hakim-hakim syarie dan pegawai-pegawai Mahkamah Rendah Syariah Daerah serta pegawai-pegawai Pejabat Ukur Daerah.

Pada hari pencerapan hilal dijalankan, orang awam tidak dibenarkan untuk menyertai cerapan kecuali setelah mendapat kebenaran daripada pihak Mahkamah Syariah sahaja. Apabila tamat sesi cerapan, keputusan hasil cerapan di stesen-stesen cerapan sama ada hilal kelihatan atau tidak kelihatan akan dilaporkan kepada Ketua Hakim Syari'. Laporan tersebut seterusnya dimaklumkan kepada Menteri Hal Ehwal Ugama untuk dipersembahkan kepada Sultan Brunei Darussalam. Setelah mendapat perkenan daripada Sultan Brunei Darussalam, maka pengumuman secara langsung mengenai hasil kenampakan hilal akan dibuat oleh Hakim Mahkamah Tinggi Syariah di stesen televisyen yang terlibat.



Rajah 2. Carta alir prosedur penetapan awal Ramadan, Syawal dan Zulhijjah di Brunei Darussalam

Mohammad Hairul Azerin (temu bual peribadi, 26 Mac 2023), Pegawai Ugama di Mahkamah Rayuan Syariah Negara Brunei Darussalam menyatakan bahawa;

'Di Negara Brunei Darussalam, bagi penentuan Ramadan, Syawal dan Zulhijjah adalah berdasarkan rukyah. Rukyah yang dimaksudkan adalah melihat hilal melalui alat bantuan optik seperti teodolit dan teleskop. Sekiranya hilal tidak kelihatan melalui alat bantuan optik meskipun sudah memenuhi kriteria Imkān al-Rukyah MABIMS, maka hilal dianggap tidak kelihatan dan bulan digenapkan menjadi tiga puluh hari (istikmāl)'.

Perkara ini mengikuti hasil Pertemuan tidak rasmi Menteri-menteri Agama MABIMS ke-4 yang diadakan di Negara Brunei Darussalam pada 6-7 Ogos 1993 di Bandar Seri Begawan. Pertemuan tersebut telah menghasilkan satu Garis Panduan Hisāb Rukyah Negara Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia dan Singapura.

Republik Indonesia

Dalam kalangan negara anggota MABIMS, Indonesia menampilkan pendekatan, yang agak berbeza berbanding negara anggota lain dalam penentuan kenampakan hilal. Perbezaan ini bertitiktolak daripada kewujudan pelbagai organisasi masyarakat Islam (ormas) yang masing-masing mempunyai kaedah tersendiri dalam penetapan awal bulan Hijri. Secara umumnya, ormas-ormas Islam di Indonesia terbahagi kepada dua aliran utama, iaitu aliran yang berpegang kepada kaedah hisab dan aliran yang berpegang kepada kaedah rukyah. Antara ormas yang menggunakan hisab ialah Muhammadiyah dan Persatuan Islam (Persis), manakala Nahdlatul Ulama (NU) pula berpegang kepada kaedah rukyah dalam menentukan permulaan bulan Hijri. Manakala pemerintah Republik Indonesia menggunakan kriteria imkān al-rukayah MABIMS dalam membentuk takwim Hijri diperingkat kebangsaan dan turut mengambil laporan hasil hisab dan kesaksian hilal di seluruh Indonesia (Ahmad Fadholi 2018).

Keunikan Indonesia adalah apabila mempunyai pelbagai ormas-ormas yang berbeza kaedah dalam penetapan hilal, maka memerlukan kepada Persidangan Isbat sebagai medium untuk menyatu padukan umat Islam di Indonesia bagi penetapan Ramadan, Syawal dan Zulhijjah. Menurut Susiknan Azhari (2015), Persidangan Isbat adalah sidang untuk menetapkan tanggal 1 Ramadhan, 1 Syawal, dan 10 Zuhijjah yang dihadiri oleh pelbagai ormas Islam di Indonesia dan dipimpin oleh Menteri Agama. Persidangan Isbat kebiasaannya dihadiri oleh Duta Besar Negara-negara Islam, Pejabat Eselon I dan II Depag RI, Anggota Badan Hisab Rukyah Kementerian Agama, Majelis Ugama Indonesia (MUI) dan Ormas Islam, dan Lembaga atau institusi yang mempunyai kaitan dalam penetapan tarikh hijri. Antaranya adalah seperti berikut:

a) Muhammadiyah

Dalam buku 'Pedoman Hisāb Muhammadiyah' telah dijelaskan bahawa pegangan Muhammadiyah dalam penentuan hilal adalah dengan menggunakan hisāb hakiki menggunakan kriteria wujud al-hilal. Awal bulan Hijri bermula apabila pada hari ke 29, semasa matahari terbenam tiga syarat perlu dipenuhi. Apabila syarat tersebut tidak dipenuhi maka pada keesokan harinya akan digenapkan menjadi 30 hari bulan. Menurut Ilham Ibrahim (2020), syarat tersebut ialah

- (i) Telah berlakunya ijtīmā'
- (ii) ijtīmā' terjadi sebelum matahari terbenam
- (iii) Pada saat matahari terbenam, bulan masih di atas ufuk.

Dalam sistem hisāb wujud al-hilal, terdapat istilah sempadan wujud al-ḥilal iaitu tempat – tempat yang terjadi matahari dan bulan terbenam pada masa yang sama. Jika tempat-tempat tersebut dihubungkan maka terbentuklah sempadan wujud al-hilal.

Dalam Himpunan Putusan Tarjih ada disebutkan bahawa “puasa dan berhari raya dengan menggunakan rukyah namun tidak mengapa menggunakan hisāb”. Kenyataan ini mengatakan bahawa kaedah rukyah dan hisāb adalah melengkapi dalam penentuan hilal. Namun dari sudut pelaksanaan, Muhammadiyah tidak pernah menjalankan aktiviti rukyah. Alasan yang diberikan aktiviti rukyah hilal adalah sukar sedangkan Islam menghargai kemajuan ilmu pengetahuan (Abu Yazid Raisal 2018).

b) Persatuan Islam (PERSIS)

Persatuan Islam didaftarkan secara resmi pada hari Rabu tanggal 1 Safar 1342 bertepatan dengan 12 September 1923 di Bandung. Pada tahun 1415H/1995M, PERSIS telah membentuk Dewan Hisab dan Rukyat. Pembentukan dewan tersebut menunjukkan bahawa pandangan PERSIS terhadap rukyah dan hisab adalah sama penting dalam penetapan bulan Hijri (Mawardi 2022). Kriteria yang digunakan oleh PERSIS dalam menentukan awal bulan Hijri hampir sama dengan sistem yang digunakan oleh Muhammadiyah. Perbedaan terletak pada urutan penggunaannya. Muhammadiyah dalam menggunakan kriteria untuk menentukan awal bulan Hijri bermula dengan imkān al-rukyah, ijtīmā’ qabla al-ghurub, dan wujudul hilal. Manakala kriteria yang digunakan PERSIS adalah bermula daripada ijtīmā’ qabla al-Ghurub, wujudul hilal, dan imkān al-rukyah. PERSIS telah mula menggunakan kaedah wujudul hilal bermula tahun 1996 sebelum beralih kepada penggunaan kriteria imkān al-rukyah MABIMS pada tahun 2002 (Susiknan Azhari 2015)

c) Nahdatul ‘Ulama (NU)

Sebelum tahun 1998, Nahdatul ‘Ulama (NU) menggunakan pendekatan rukyah menggunakan mata kasar semata-mata tanpa limitasi meskipun beberapa kitab falak jelas menerangkan batasan minimum kenampakan hilal. Setelah tahun 1998, Nahdatul ‘Ulama mula menggunakan penyaringan laporan rukyah khususnya dalam penentuan awal Ramadan, hari raya puasa dan hari raya korban. (Mutoha Arkanuddin & Muh. Ma’rufin Sudibyo 2015)

Asas penentuan hilal bagi NU adalah berdasarkan Munas Alim Ulama NU di Situbondo yang menetapkan bahawa:

“Penetapan pemerintah tentang awal Ramadan dan awal Syawal dengan menggunakan hisāb, tidak wajib diikuti. Sebab menurut jumhur salaf bahawa terbit awal Ramadan dan awal Syawal itu hanya bi al-rukyah au itmāmi al-‘adadi thalathina yauman”

Berdasarkan kenyataan di atas dapat disimpulkan bahawa penetapan awal bulan Ramadan, Syawal dan Zulhijjah yang dipegang oleh NU adalah berdasarkan rukyah dan istikmāl. Sedangkan penggunaan hisāb adalah untuk membantu melaksanakan rukyah. Manakala bagi pembentukan takwim Hijri, takwim ini disusun oleh Lajnah Falakiah Pengurus Besar Nahdatul ‘Ulama (Ahmad Izzuddin 2007).

Malaysia

Menurut Baharuddin (2002), sebelum tahun 1970 Malaysia menggunakan takwim Hijri yang dibentuk mengikut negeri masing-masing. Secara umumnya terdapat dua kaedah pada ketika itu iaitu kaedah istilahi dan kaedah ijtimā' hakiki. Namun, bagi penentuan awal Ramadan, Syawal dan Zulhijjah adalah berdasarkan laporan kenampakan hilal yang dibuat oleh negeri masing-masing.

Pada tahun 1972, Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam telah menetapkan keselarasan bagi penetapan awal bulan Ramadan dan Syawal iaitu keseragaman kaedah dalam menentukan kenampakan hilal dan penetapan tiga tempat utama untuk melihat anak bulan iaitu Pulau Sayak, Kedah, Bangunan Pejabat Kerajaan Johor Bharu dan Teluk Kemang, Negeri Sembilan. Kaedah tersebut adalah dengan menggunakan hisāb yang merujuk kepada sekiranya pada hari cerapan hilal tidak kelihatan tetapi mengikut hisāb, hilal boleh kelihatan maka ditetapkan mengikut hisāb. Syarat pada ketika itu ialah umur anak bulan sewaktu matahari terbenam adalah melebihi 8 jam (Arif Zakwan 2022)

Pada tahun 1977 sehingga 1982, kaedah rukyah kembali digunakan dimana sekiranya hilal tidak kelihatan maka hari keesokannya digenapkan menjadi bilangan 30 hari pada bulan itu. Hal ini berdasarkan kenyataan Haron Din pada tahun 1982 apabila isu penentuan hilal ditimbulkan secara mendadak (Mohd Zambri & Mohd Saiful Anwar. t.th).

Azhari Mohamed (2012) menjelaskan pada tahun 1984, Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia menerima keputusan Resolusi Istanbul dengan mengubah suai kriteria Resolusi Istanbul 1978 iaitu ketinggian hilal ketika matahari terbenam hendaklah tidak kurang daripada 5.5° di atas ufuk dan jarak lengkung bulan-matahari ketika matahari terbenam ialah tidak kurang 7.5° atau umur hilal tidak kurang 8 jam selepas ijtimā'.

Hasil Pertemuan Tahunan Tidak Rasmi Menteri-menteri Agama Negara Brunei, Republik Indonesia, Malaysia dan Singapura (MABIMS) yang diadakan pada 3 dan 4 Februari 1992, kesepakatan telah dicapai bagi penyelarasan keputusan rukyah di kalangan anggota MABIMS dalam penentuan awal Ramadan, Syawal dan Zulhijjah iaitu menggunakan rukyah dan hisāb bagi tiga bulan tersebut manakala bulan selainnya adalah menggunakan kaedah wujudul hilal.

Jawatankuasa Kajisemula Data Rukyah Hilal Malaysia telah menganalisa data rukyah yang telah dilakukan dua negara anggota MABIMS iaitu Malaysia dan Indonesia. Hasil kajian tersebut membawa kepada satu kriteria imkanur-rukyah yang baru kepada MABIMS. Pada mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Rukyah dan Takwim Islam kali ketiga pada 1 Jun 1992 di Labuan, kriteria tersebut telah dipersetujui oleh anggota MABIMS. Manakala bagi Malaysia, bermula tahun 1995 pemakaian kriteria ini digunakan bagi menentukan kesemua bulan hijrah (JAKIM 2001).

Bagi prosedur penentuan hilal di Malaysia melibatkan Jawatankuasa Melihat Anak Bulan di peringkat negeri yang di lantik oleh Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja atau Sultan. Manakala bagi negeri Melaka, Sabah, Sarawak dan Pulau Pinang dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Yang Di Pertuan Agong. Menurut Baharudin (2002) keanggotaan jawatankuasa di peringkat negeri terdiri daripada;


- i. Mufti Negeri sebagai Pengerusi Jawatankuasa
- ii. Ketua Hakim Syarie
- iii. Pengarah Jabatan Ukur dan Pemetaan (beragama Islam)

- iv. Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri
- v. Seorang ulama atau ahli falak
- vi. Pegawai Agama Islam Daerah
- vii. Setiausaha

Bahagian Falak di Jabatan Mufti Negeri merupakan sebuah bahagian yang memainkan peranan penting dan terlibat secara langsung terhadap isu-isu penentuan hilal. Antara fungsi utama Bahagian Falak dalam penentuan hilal ialah;

- i. Sebagai urusetia kepada Jawatankuasa Melihat Anak Bulan serta menyediakan data-data rukyah bagi Ramadan, Syawal dan Zulhijjah;
- ii. Menyusun dan menyediakan takwim Hijri, Jadual Waktu Berbuka Puasa dan Imsak;
- iii. Menyedia serta membuat kiraan data rukyah, mengadakan cerapan hilal untuk menentukan awal bulan Hijri serta menyediakan laporan kepada Jawatankuasa Rukyah Negeri (Jabatan Mufti Negeri Pahang t.th)

Pada hari cerapan hilal, Jawatankuasa Melihat Anak Bulan akan membuat persediaan sebelum aktiviti cerapan dijalankan. Selain daripada Jabatan Mufti Negeri, Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia atau JUPEM merupakan institusi lain yang terlibat secara langsung pada hari tersebut. Di dalam Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Islam Negeri-negeri dan Panel Pakar Falak, JUPEM memainkan peranannya dengan memberikan perkhidmatan daripada sudut teknikal terutama dalam penyediaan kalendar Islam, cerapan rukyah dan hilal bagi penentuan tarikh-tarikh penting di dalam takwim Islam. (JUPEM t.th)



Rajah 3. Carta alir prosedur penetapan awal bulan Hijri di Malaysia

Syed Kamarulzaman (temu bual peribadi, 1 Oktober 2021), Yang Dipertua Persatuan Falak Syar'i Malaysia, menyatakan bahawa selepas hasil cerapan diperoleh, laporan tersebut akan diserahkan kepada Seksyen Kajian Falak, Cawangan Syariah, Bahagian Penyelidikan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Satu mesyuarat akan diadakan diantara pihak JAKIM, Radio Televisyen Malaysia (RTM) dan Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja (PPMBRP). Rakaman pengumuman akan dibuat dalam dua situasi, iaitu mengandaikan (i) anak bulan kelihatan dan (ii) tidak kelihatan yakni samada Syaaban dan Ramadan berjumlah 29 atau 30 hari.

Pada hari rakaman, Urusetia diwujudkan di Pejabat PPMBRP bersama pegawai RTM yang bertanggungjawab dan ahli falak dari JAKIM. Laporan tersebut kemudiannya akan disembah maklum kepada Yang di-Pertuan Agong untuk perkenan. Setelah Yang di-Pertuan Agong Perkenan, pengumuman laporan kenampakan hilal akan dilakukan. Biasanya semua tindakan tersebut dapat disempurnakan sebelum jam 8 malam dan diumumkan pada waktu berita Radio Televisyen Malaysia (RTM).

Singapura

Sejarah penampakan hilal yang paling awal direkodkan di Singapura dapat dikesan adalah pada tahun 1924. Aktiviti cerapan telah dijalankan di Bukit Faber dan Stesen Cerapan Fort Canning yang diketuai oleh Kadi Singapura, Imam Haji Muhammad Yusuf bin Haji Muhammad Said. Semenjak itu, banyak percubaan telah dibuat untuk melihat hilal di pelbagai lokasi disekitar Singapura, Antara lokasi tersebut adalah Buona Vista Hill, Pasir Panjang, Changi Coast, Bukit Timah, Rumah Api Raffles, Rumah api Sultan Shoal, dan bumbung bangunan tinggi lain bangunan, seperti Bangunan Asia (sekarang Ascott Raffles Place).

Meskipun percubaan demi percubaan dilakukan, namun tiada laporan kenampakan hilal yang diterima. Hal ini didapati kerana keadaan atmosfera dan geografi Singapura menyukarkan untuk melihat hilal semasa aktiviti cerapan dijalankan. Oleh kerana itu, sebagai jalan alternatif untuk menentukan kemasukkan bulan baru, pihak berkuasa menggunakan kaedah pengiraan astronomi (*ḥisāb*) untuk meramalkan keterlihatan hilal di atas ufuk.

Semasa Sheikh Syed Isa menjadi Mufti Singapura, beliau telah mencadangkan kepada Jawatankuasa Fatwa supaya Singapura beralih daripada kaedah rukyah kepada kaedah *ḥisāb*. Oleh itu sejak tahun 1974, Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS) telah menggunakan *ḥisāb* sebagai kaedah pilihan untuk menentukan permulaan takwim Hijri berdasarkan panduan yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Fatwa Singapura. Ringkasan keputusan Fatwa pada 21 Januari 1974;

"The Fatwa Committee of Singapore in 1974 concluded that the beginning of Ramadan and Syawal could be determined through astronomical calculations. This conclusion rested upon the verse in 10:5 & 55:5, which asserted that the orbit of the Moon, Sun and other celestial bodies adhere to the divine calculations of Allah (s.w.t). Astronomers, particularly contemporary ones, comprehend these calculations and advanced scientific instruments have validated the accuracy of such astronomical calculations. The Fatwa Committee acknowledged that past scholars harboured reservations toward astronomy due to the unavailability of sophisticated tools during their time, and they needed clarification about the precision of these calculations."

Cadangan Sheikh Syed Isa adalah berdasarkan pengalaman peribadi beliau sendiri apabila melihat ketidakpastian tarikh dalam takwim Hijri kita membawa kepada kesukaran yang serius dalam kehidupan umat Islam di Singapura. Berdasarkan fatwa yang dikeluarkan, negara Singapura hanya menggunakan kaedah hisab dalam penentuan hilal. Hal ini disebabkan oleh Singapura tidak memiliki kawasan cerapan yang baik untuk melihat hilal. Dan kebanyakan kawasan yang dicadangkan untuk aktiviti cerapan tidak menunjukkan potensi sebagai tempat cerapan hilal. (MUIS 2013)

Berdasarkan Firdaus Yahya (temubual peribadi, 2 Julai 2023), amalan di Singapura dalam membentuk takwim Hijri, ahli jawatankuasa tidak rasmi falak MUIS akan melakukan pengiraan bagi kenampakan hilal berdasarkan kriteria yang ditetapkan MABIMS. Setelah itu, Mufti akan sahkan pengiraan yang dibuat sebelum diberi pengesahan oleh pemerintah. Pengesahan bagi kesemua cuti umum termasuk puasa dan hari raya akan dilakukan setahun sebelum tahun tersebut. Manakala bagi mengumumkan kemasukkan awal puasa dan hari raya, pada waktu maghrib 29 hari bulan Syaabn, Ramadan dan Zulkaedah, rakaman pengumuman oleh Mufti akan dibuat dan ditayangkan di televisyen serta siaran radio

Institusi yang terlibat secara langsung dalam prosedur penetapan awal bulan Hijri di Singapura adalah MUIS. Penubuhan MUIS atau *Islamic Religious Council of Singapore* amat penting bagi komuniti Muslim di Singapura kerana peranannya adalah untuk menjaga hampir kesemua kepentingan yang berkaitan dengan Islam. MUIS telah ditubuhkan selari dengan Akta Pentadbiran Hukum Islam (AMLA) (MUIS 2025).

Perbezaan amalan penentuan awal bulan hijri dan institusi yang terlibat dalam pengurusan takwim Hijri diringkaskan seperti Jadual 1 seperti berikut;

Jadual 1. Perbandingan Pengurusan Takwim Hijri di negara MABIMS

Negara	Brunei	Indonesia	Malaysia	Singapura
Amalan dalam Penentuan Awal Bulan	Kaedah rukyah pada tiga bulan ibadah utama, manakala bulan selainnya menggunakan kaedah imkan al-rukyah	Pihak pemerintah menggunakan kaedah imkan al-rukyah, namun setiap organisasi masyarakat Islam mempunyai kaedah tersendiri.	Kaedah imkan al-rukyah digunakan pada setiap bulan hijri.	Kaedah imkan al-rukyah digunakan pada setiap bulan hijri.
Institusi yang terlibat dalam Pengurusan Takwim Hijri	(i) Mahkamah Syariah Brunei (ii) Jabatan Ukur Brunei (iii) Kementerian Hal Ehwal Ugama (iv) Jabatan Mufti Kerajaan Brunei.	(i) Kementerian Agama (ii) Organisasi Masyarakat Islam; Muhammadiyah, Nahdatul Ulama, PERSIS dll	(i) JAKIM (ii) JUPEM (iii) Jabatan Mufti Negeri	(i) MUIS

Cabaran Keseragaman Takwim Hijri di Negara Anggota MABIMS

Pengurusan takwim Hijri dalam kalangan negara anggota MABIMS masih berdepan beberapa cabaran yang mempengaruhi usaha penyelarasan secara serantau. Hal ini bertitiktolak daripada ketidakseragaman dalam pelaksanaan penetapan awal bulan Antara cabaran utama yang dikenal pasti adalah daripada aspek geografi, teknikal, institusi, dan sosiopolitik.

a) Aspek Geografi

Perbezaan lokasi geografi dan zon waktu merupakan antara cabaran utama dalam usaha menyelaraskan takwim Hijri di peringkat serantau, terutama bagi negara-negara anggota MABIMS. Kedudukan geografi yang merentangi garisan longitud yang luas, seperti Indonesia, Malaysia, Brunei Darussalam, dan Singapura, menyebabkan variasi dalam waktu matahari terbenam serta kedudukan hilal. Sebagai contoh, terdapat hampir dua jam perbezaan antara waktu maghrib di Aceh dan Papua, meskipun kedua-duanya berada dalam negara yang sama. Perbezaan ini memberi impak besar terhadap rukyah hilal, kerana kedudukan relatif bulan dan matahari pada waktu senja memainkan peranan penting dalam menentukan kebarangkalian kenampakan hilal. Selain itu, perbezaan zon waktu rasmi yang diamalkan oleh negara-negara ini turut menambahkan lagi cabaran dalam penyelarasan takwim Hijri. Zon waktu rasmi yang digunakan tidak semestinya selari dengan kedudukan geografi sebenar, dan hal ini boleh menjejaskan ketepatan dalam pengiraan waktu rukyah serta imkan al-rukyah. Sebagai contoh, negara Brunei Darussalam, Malaysia, dan Singapura menetapkan zon waktu mereka pada GMT+8, manakala wilayah di Republik Indonesia pula beroperasi dalam tiga zon waktu berbeza, iaitu GMT+7, GMT+8, dan GMT+9.

b) Aspek Teknikal

Penggunaan instrumen ataupun bantuan alatan optik semasa aktiviti cerapan adalah berbeza bagi setiap negara anggota MABIMS bergantung kepada kepakaran tempatan serta dasar pentadbiran masing-masing. Malaysia misalnya menggunakan teleskop digital beresolusi tinggi yang disambungkan kepada sistem komputerisasi, manakala di Brunei Darussalam bergantung kepada teleskop optik konvensional dan rukyah secara langsung. Perbezaan ini bukan sahaja mempengaruhi ketepatan serta sensitiviti dalam melihat hilal, tetapi juga menimbulkan persoalan mengenai kebolehpercayaan dan keseragaman data rukyah yang diperolehi. Selain itu, variasi dalam protokol kalibrasi, penyelenggaraan peralatan, serta tahap latihan yang diberikan kepada pengamal rukyah turut memberi kesan kepada konsistensi keputusan cerapan. Perbezaan dalam kaedah dan tahap teknikal yang digunakan menjadikan proses standardisasi dalam pelaporan kenampakan hilal semakin mencabar.

c) Aspek Institusi

Setiap negara anggota memiliki struktur pentadbiran agama yang berbeza dari segi kuasa, bidang tanggungjawab, dan pendekatan dalam membuat keputusan berkaitan penetapan awal bulan Hijri. Sebagai contoh, Brunei Darussalam dan Singapura, keputusan berkaitan takwim ditentukan oleh institusi agama, manakala di Malaysia dan Republik Indonesia, ia ditetapkan oleh pihak kerajaan melalui kementerian atau jabatan tertentu. Perbezaan ini boleh menyebabkan ketidakselarasan dalam penentuan tarikh Hijri di peringkat serantau, terutama apabila ia melibatkan penentuan ibadah seperti permulaan Ramadan dan Syawal. Selain itu, tahap koordinasi antara institusi nasional dan serantau kadangkala masih belum mantap, mengakibatkan pertukaran maklumat, hasil cerapan, dan keputusan rasmi tidak berlaku secara sistematik atau tepat pada waktunya. Kekurangan komunikasi yang efektif antara badan-badan pentadbiran ini sering menjadi halangan dalam mencapai kesepakatan bersama yang dapat

memastikan ketepatan dan keseragaman takwim Hijri di seluruh rantau. Oleh itu, usaha ke arah harmonisasi takwim Hijri bukan sahaja memerlukan kemajuan dalam pendekatan teknikal, tetapi juga pengukuhan kerjasama institusi yang berterusan serta komitmen politik yang kukuh dalam kalangan negara anggota.

d) Aspek Sosiopolitik

Faktor sosiopolitik merupakan cabaran utama dalam usaha menyelaraskan takwim Hijri di peringkat serantau, kerana penetapan awal bulan Hijri tidak hanya melibatkan aspek teknikal dan keagamaan, tetapi juga dipengaruhi oleh sensitiviti masyarakat serta dasar politik setiap negara. Dalam beberapa keadaan, kerajaan mempertimbangkan kestabilan sosial, persepsi rakyat, dan kepentingan nasional sebelum membuat keputusan mengenai permulaan Ramadan, Syawal, atau Zulhijjah. Oleh itu, keputusan tersebut sering kali dipengaruhi oleh konteks dalaman negara masing-masing, yang kadangkala tidak selari dengan keputusan negara jiran, meskipun berkongsi data astronomi dan hasil cerapan yang sama.

Selain itu, isu berkaitan kedaulatan, perbezaan mazhab, serta usaha mengekalkan identiti nasional turut menyukarkan proses harmonisasi takwim Hijri di peringkat serantau. Perbezaan ini dapat diperhatikan melalui dinamika sosiopolitik di Republik Indonesia, di mana kewujudan pelbagai organisasi kemasyarakatan (ormas) Islam yang berautonomi telah membawa kepada pelbagai pendekatan dan pendirian dalam penetapan awal bulan Hijri. Sebaliknya, di Brunei Darussalam, pendekatan yang lebih seragam diamalkan dengan berpaksikan mazhab Syafi'i sebagai landasan tunggal dalam pelaksanaan rukyah dan penentuan takwim Hijri. Perbezaan pendekatan dalam menentukan awal bulan boleh menyebabkan ketidaksepakatan yang menjejaskan keseragaman amalan umat Islam. Justeru, penyelarasan takwim Hijri bukan sahaja memerlukan pendekatan ilmiah dan teknikal yang kukuh, tetapi juga komitmen politik yang berterusan, sikap saling menghormati, serta kesediaan untuk berkompromi dan bekerjasama demi kepentingan ummah secara menyeluruh.

Kesimpulan

Kajian ini telah meneliti secara komprehensif prosedur pelaksanaan rukyah hilal serta sistem pengurusan takwim Hijri dalam kalangan negara anggota MABIMS, merangkumi Malaysia, Indonesia, Brunei Darussalam dan Singapura. Walaupun keempat-empat negara telah bersetuju menggunakan kaedah *imkān al-rukyah* sebagai asas penentuan awal bulan Hijri, kajian ini mendapati masih wujud cabaran dari sudut perbezaan geografi, tahap teknikal, struktur institusi serta mekanisme komunikasi serantau. Perbezaan dalam pelaksanaan dan pengumuman keputusan rukyah mencerminkan perlunya satu pendekatan yang lebih sistematik dan terselaraskan di peringkat MABIMS. Ini termasuklah keperluan kepada sistem perkongsian data cerapan yang bersepadu, latihan teknikal yang seragam, serta penilaian semula berkala terhadap kriteria *imkān al-rukyah* agar sentiasa relevan dengan kemajuan teknologi falak. Secara keseluruhannya, penyelarasan pengurusan takwim Hijri serantau bukan sahaja penting dalam menjaga keharmonian umat Islam di rantau ini, tetapi juga mencerminkan kematangan institusi agama dalam mengimbangi tuntutan syariah dan perkembangan sains moden. Usaha kolektif dan kesepakatan yang berterusan dalam kalangan negara anggota MABIMS amat penting demi menjamin keseragaman dan kebolehpercayaan takwim Hijri pada masa akan datang.

Penghargaan

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua informan yang terlibat dalam sesi temubual bagi kajian ini. Penghargaan khusus ditujukan kepada pegawai daripada Jabatan Ukur dan Mahkamah Syariah Brunei Darussalam, Kementerian Agama Indonesia, dan Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS) atas kesudian mereka berkongsi maklumat mengenai pelaksanaan rukyah hilal dan pengurusan takwim Hijri di negara anggota MABIMS.

Rujukan

Al-Quran al-Karim

- Abu Yazid Raisal. (2018). Berbagai Konsep Hilal di Indonesia. *Al-Marshad: Jurnal Astronomi Islam Dan Ilmu-Ilmu Berkaitan*. hlm. 146 - 155
- Ahmad Fadholi. (2018). Pandangan Ormas Islam Terhadap Draf Kriteria Penentuan Kalendar Hijriah di Indonesia. *Jurnal Hukum Islam*. Vol. 18 (1). hlm. 204
- Ahmad Izzuddin. (2007). Fiqih Hisāb Rukyah Menyatukan NU & Muhammadiyah dalam Penentuan Awal Ramadan, Idul Fitri dan Idul Adha. Jakarta: Penerbit Erlangga. hlm. 106
- Arif Zakwan Ash'ari. 2022, Jun 7. Kriteria Baharu Digunakan dalam Penentuan Tarikh Hari Raya Aidilfitri Tahun Ini Dilayari daripada <https://dewankosmik.jendeladb.my/2022/06/07/3161/>
- Azhari Mohamed. 2012. Penetapan Awal Bulan Hijriah: Ramadhan, Syawal dan Zulhijjah 1433H/2012. <https://wk.kats.gov.my/sites/NREDrive/Program%20Kampus%20NRE%20%20Discourse/PENETAPAN%20AWAL%20HIJRAH,%20RAMADHAN,%20SYAWAL%20DAN%20ZULHIJAH.pdf> [tarikh diakses: 18/12/2018]
- Baharuddin Zainal. 2002. *Pengenalan Ilmu Falak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 133
- Al-Bukhārī, Muhammad bin Isma'il. (2017). *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Beirut: Dār Ibn Kathīr
- Ilham Ibrahim. (2020). Hisāb Hakiki Wujudul Hilal, Apa dan Bagaimana? Dilayari daripada <https://muhammadiyah.or.id/hisab-hakiki-wujudul-hilal-apa-dan-bagaimana/>. (Tarikh diakses: 03/03/2023)
- International Astronomical Center Project. daripada <http://www.icoproject.org/icop/ram40.html>. [Tarikh diakses: 15/10/2020]
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). 2001. *Kaedah Penentuan Awal Hijrah*. Kuala Lumpur: Penerbit Unit Falak Bahagian Penyelidikan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. hlm. 10
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), 2016. Muzakarah Rukyah dan Takwim Islam Negara Anggota MABIMS. <http://www.islam.gov.my/berita-semasa/29-bahagian-perancangan-penyelidikan/657-muzakarah-rukayah-dan-takwim-islam-negara-anggota-mabims-tahun-2016>. (diakses pada 18 Jun 2019)
- Jabatan Mufti Negeri Pahang. (tanpa tarikh). Falak Pahang. Diakses pada 9 Januari 2023 daripada <https://mufti.pahang.gov.my/index.php/falak-pahang/>
- Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM). (t.th). Diakses pada 4 Januari 2022 daripada <https://www.jupem.gov.my>.
- MABIMS. (2018). Pengenalan MABIMS. <https://www.mabims.gov.bn/SitePages/Pengenalan.aspx>. (Tarikh diakses: 23/01/2023)
- Maskufa, Sofa & Sri Hidayati. (2021). *Implementasi Kalendar Hijriyah Global Pasca Putusan MABIMS di Asia Tenggara*. Bogor: CV Mutiara Galuh. hlm 18
- Mawardi. (2022). "Pembaharuan Pemikiran Kalendar Hijriah di Indonesia. (Studi Terhadap Muhammadiyah, Nahdatul Ulama dan Persatuan Islam 1330-1443H/1912-2021M)" Ph.D Disertasi, Studi Islam. UIN Walisongo Semarang

- Mohd Ariffin Ali, Jamalluddin Hashim & Baharuddin Zainal. (2016). Kronologi istinbat hukum berkaitan Penetapan awal bulan hijri menurut pandangan mazhab as-Syafi'i sehingga kurun ke-9H. Dlm. Mohd Shukri Hanapi & Shahir Akram Hassan (pnyt). Takwim Hijri: Isu dan Pengurusan. Universiti Sains Malaysia (USM): Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV). hlm. 61-74
- Mohd Saiful Anwar Mohd Nawawi, Saadan Man, Mohd Zambri Zainuddin, Raihana Abdul Wahab & Nurulhuda Ahmad Zaki (2015). Sejarah Kenampakan Anak Bulan di Malaysia, *Jurnal al-Tamaddun* Bil 10 (2). hlm 62
- Mohd Shukri Hanapi & Shahir Akram Hassan. (2015). Basis for Using the Rukyah Method for Determining the Arrival of Ramadan and Syawal in Brunei Darussalam. *Journal of Islamic Studies and Culture*. Vol. 3(2). hlm 20. DOI:10.15640/jisc.v3n2a2
- Mohd Zambri Zainuddin & Mohd Saiful Anwar Mohd Nawawi. (t.th). Analisa Kriteria Kenampakan Hilal Bagi Data 1972 hingga 2011 di Malaysia. Diambil daripada <https://www.scribd.com/doc/135299290/Analisa-Kenampakan-Hilal-Oleh-Mohd-Zambri-Zainuddin>. (Tarikh diakses 14/02/2021)
- Mohd Zambri Zainuddin & Mohd Saiful Anwar Mohd Nawawi. (2022). Kriteria Imkanurrukyah Yang Baru 1443 Hijrah. dibentang dalam Webinar Falak Nusantara 1443H (Bulan Falak Malaysia). <https://www.islam.gov.my/en/berita/2843-webinar-falak-nusantara-1443h-kriteria-baru-imkanur-rukyah>.
- Mohammed Mohsin. (1995). The Organization of Islamic Conference (OIC): Political Mechanism for Global Implementation of a Unified Islamic Calendar. dlm Toward Implementation of A Unified Islamic Calendar. (pnyt) Musa Mohammad. Penang: Universiti Sains Malaysia. hlm 38
- Moonsighting.com. (t.th). How country start Islamic months. <https://www.moonsighting.com/how-countries.html> ((Tarikh diakses:19/12/2020)
- Majlis Ugama Islam Singapura MUIS. (2013). *Navigating Tradition and Science - Singapore's Approach in Determining the Hijri Calendar*. Singapore: Islamic Religious Council of Singapore. hlm. 8-12
- Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS). (t.th). Peranan dan Fungsi. Diakses pada 6 Mei 2025 daripada <https://www.muis.gov.sg/about-us/roles-and-functions/> Mutoha Arkanuddin & Muh. Ma'rufin Sudibyo. (2015). Kriteria Visibilitas Hilal Rukyatul Hilal Indonesia (Rhi) (Konsep, Kriteria, Dan Implementasi). *Al-Marshad: Jurnal Astronomi Islam Dan Ilmu-Ilmu Berkaitan*. hlm. 34-43
- Perlembagaan Brunei Darussalam. (1984). Disemak semula pada 2011. Dilayari daripada <https://www.agc.gov.bn/AGC%20Site%20Pages/Constitutional%20Documents.aspx>. (Tarikh diakses: 28/2/2023)
- Radzuan Nordin & Ab Rahim Ibrahim. (2016). Kepentingan Takwim Hijri Dalam Permasalahan Fiqh di Malaysia: Kajian Terhadap Pengamalan Pengiraan Tempoh Hawl Dalam Pengurusan Zakat di Malaysia. *Jurnal Ilmi*. Jilid 6. hlm. 29-42
- Susiknan Azhari. (2015). Gagasan Menyatukan Umat Islam Indonesia Melalui Kalendar Islam. *AHKAM*. Vol, XV (2). hlm 252